

Mahu terbit bon pelbagai mata wang

Oleh **NUR HANANI AZMAN**

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 29 Sept. - Cagamas Bhd., perbadanan gadai janji nasional komited untuk membawa kepakarannya ke peringkat serantau dengan matlamat menerbitkan bon pelbagai mata wang.

Pengerusinya, Datuk Ooi Sang Kuang berkata, Cagamas baru-baru ini membuat penerbitan sulung nota jangka sederhana sebanyak 1.5 bilion renminbi (RMB) (RM800 juta) bagi menyokong usaha memasuki penerbitan bon mata wang asing.

Katanya, terbitan berkenaan merupakan bon RMB terbesar di Asia Tenggara dan juga penerbitan bon RMB pertama di dunia oleh sebuah syarikat gadai janji.

"Selain RMB, Cagamas juga sedang meneroka mata wang lain seperti dolar Amerika Syarikat, euro

dan yen.

"Kami tidak meletakkan tarikh spesifik untuk penerbitan dan ketika ini sedang berunding dengan penerbit berpotensi berkaitan dengan keperluan

pembiayaan mereka sama ada dalam bentuk dolar Amerika Syarikat, RMB, euro atau yen," katanya ketika ditemui pemberita sempena Persidangan Pendapatan Tetap ASEAN (AFIS) di sini hari ini.

Sidang Kemuncak itu adalah platform untuk membincangkan isu dan cabaran dalam mempromosikan ketelusan pasaran dan kecairan di rantau ini.

Cagamas sebagai antara pemain utama dalam pasaran bon tempatan, optimis pasaran bon ASEAN



OI SANG KUANG

akan menjadi saluran terpenting untuk menggerakkan dana jangka panjang atau pembiayaan pembangunan infrastruktur di rantau ini.

Ketika ditanya tentang unjuran pasaran bon Malaysia, Sang Kuang berkata, terdapat banyak potensi untuk pertumbuhan kerana ketika ini hanya kira-kira 20 peratus daripada jumlah pembiayaan di negara ini

dengan pembiayaan bank memiliki 80 peratus penguasaan.

"Bahagian ini harus berkembang dari semasa ke semasa kerana jika dilihat di Eropah, ia menghampiri 40 hingga 50 peratus daripada jumlah pembiayaan ekonominya justeru masih ada banyak ruang pasaran Malaysia untuk berkembang," katanya.